

BN perlu mandat kuat demi masa depan negara - PM
Utusan Online
03 May, 2013

KOTA BHARU 2 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Barisan Nasional perlukan mandat yang kuat daripada rakyat dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 untuk membentuk sebuah kerajaan kukuh dalam menentukan masa depan yang baik buat negara.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengingatkan pilihan raya umum kali ini bukanlah masa untuk rakyat memilih pemimpin yang disukai atau tidak semata-mata, sebaliknya bagi menentukan kedudukan negara pada masa akan datang.

Menurut beliau, rakyat mesti memilih parti dan pemimpin yang mempunyai wawasan dan agenda besar kepada negara, berkemampuan membuat pembaharuan serta mempunyai kebolehpercayaan bagi memelihara negara.

Katanya, sokongan padu rakyat termasuk di Kelantan akan menyumbang kepada kekukuhan kerajaan BN di peringkat nasional.

"Kita mesti ada mandat yang kuat, kita tambah kerusi dan bila kerajaan kuat, agenda transformasi nasional boleh kita terjemah dalam bentuk pelaksanaan, ada keberkesannya," katanya.

Beliau berucap dalam Majlis Pelancaran Tuisyen Percuma Yayasan Orang Kota Bharu (YOKB) di Maktab Sultan Ismail (SIC), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Pengerusi BN Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin dan Penasihat YOKB yang juga calon BN Parlimen Kota Bharu, Datuk Mohamad Fatmi Che Salleh.

Yang hadir sama, calon-calon BN bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Lama, Tan Ken Ten, Mohd. Fakhurrazi Abdul Rahim (DUN Bunut Payong) dan Kanidy Omar (DUN Tanjong Mas).

Menurut Najib, kerajaan yang kuat juga akan memastikan negara dihormati pemimpin luar negara termasuk kuasa besar Amerika Syarikat.

Dalam pada itu, beliau turut menyindir Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang sudah lanjut usia namun masih ghairah mahu memimpin kerajaan.

"Kalau nak jadi Mursyidul Am itu tidak mengapa, tapi untuk tadbir negeri, mesti kepimpinan itu segar, ada tenaga dan mampu untuk membawa perubahan kepada negeri Kelantan tercinta ini.

"Saya yakin pada bila-bila masa, pemimpin yang kita (BN) ketengah boleh bawa perubahan kepada Kelantan," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130503/px_13/BN-perlu-mandat-kuat-demi-masa-depan-negara---PM#ixzz2ZnlJmERl